

PROGRAM TRANSFORMASI KEUSAHAWANAN BAGI MEMPERKASAKAN EKONOMI PELAJAR ASNAF

ASNAF ENTREPRENEURSHIP TRANSFORMATION PROGRAMME FOR EMPOWERING THE ECONOMY OF ASNAF STUDENTS

Nurul Labanihuda Abdull Rahman^{1*}

Hairulniza Binti Abd Rahman²

Nurul Farihin Mhd Nasir³

Nabilah Akemal binti Muhd Zailani⁴

Nadhilah Abdul Pisal⁵

Siti Nur Zahirah Omar⁶

¹ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia (E-mail: labanihuda@uitm.edu.my)

² Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia (E-mail: hairulniza@uitm.edu.my)

³ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia (E-mail: nurulfarihin@uitm.edu.my)

⁴ Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia (Email: nabilahakemal@uitm.edu.my.)

⁵ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia (Email: nadhilah@uitm.edu.my)

⁶ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia (E-mail: sitinurzahirah@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 13-3-2025

Revised date : 14-3-2025

Accepted date : 27-4-2025

Published date : 15-5-2025

To cite this document:

Abdull Rahman, N. L., Abd Rahman. H., Md Nasir, N. F., Muhd Zailani, N. A., Abdul Pisal, N., & Omar, S. N. Z. (2025). Program transformasi keusahawanan bagi memperkasakan ekonomi pelajar asnaf *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 10 (60), 160 - 165

Abstrak: Keusahawanan adalah keupayaan dan kemahiran dalam menguruskan perniagaan. Sektor keusahawanan sangat penting dalam menentukan kemajuan ekonomi sesebuah negara. Bidang keusahawanan merupakan pilihan kerjaya yang digemari oleh generasi muda khususnya di negara maju. Walaubagaimanapun, kajian lepas hanya memberi fokus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar asnaf di IPT terhadap bidang keusahawanan. Sehingga kini, kekurangan kajian khusus yang membuat pemantauan kepada kemahiran keusahawanan pelajar dalam menguruskan perniagaan dan dapat menjana pendapatan yang lebih konsisten. Oleh itu, objektif kajian ini ialah (i) Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi bidang keusahawanan. (ii) Meneroka penglibatan pelajar asnaf selepas program tranformasi keusahawanan yang dijalankan dan (iii) Memantau keberkesanan program tranformasi keusahawanan di kalangan pelajar asnaf. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan memfokuskan kepada kajian kes. Bagi mencapai objektif pertama kajian, sorotan literatur dan temu bual dijalankan kepada responden untuk mendapatkan maklumat berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam bidang keusahawanan. Seterusnya, kajian

empirikal dilakukan kepada beberapa pelajar asnaf di UiTM Perlis bagi menganalisis elemen yang boleh diaplikasikan dalam program transformasi keusahawanan (objektif kedua). Kemudian diikuti dengan pemantauan program transformasi keusahawanan di kalangan pelajar asnaf. Oleh yang demikian, dengan kajian ini dapat merangkumi skop pembangunan asnaf di kalangan pelajar UiTM Perlis dari aspek rohani, ilmu, kemahiran teknikal, dan pengurusan ekonomi. Justeru, adalah amat penting untuk membuat kajian tentang keberkesanan program yang dijalankan secara teori dan praktikal di kalangan pelajar asnaf di Institusi Pengajian Tinggi Awam dengan memfokuskan dalam bidang keusahawanan.

Kata Kunci: Keusahawanan, Pengurusan kewangan, Program Transformasi

Abstract: *Entrepreneurship is the ability and skills in managing a business. The entrepreneurship sector is very important in determining the economic progress of a country. The field of entrepreneurship is a career choice favoured by the younger generation, especially in developed countries. However, past studies have only focused on factors that influence the attitudes of ASNAF students in higher education institutions towards entrepreneurship. Until now, there has been a lack of specific studies that monitor students' entrepreneurial skills in managing businesses and can generate more consistent income. Therefore, the objectives of this study are (i) Identifying factors that influence the tendency of Asnaf students to venture into entrepreneurship. (ii) Exploring the involvement of asnaf students after the entrepreneurial transformation programme was carried out and (iii) Monitoring the effectiveness of the entrepreneurial transformation programme among asnaf students. This study uses a qualitative research design with a focus on case studies. To achieve the first objective of the study, a literature review and interviews were conducted with respondents to obtain information related to factors that influence the tendency of asnaf students in the field of entrepreneurship. Next, an empirical study was conducted on several asnaf students at UiTM Perlis to analyse the elements that can be applied in the entrepreneurial transformation programme (second objective). Then followed by monitoring the entrepreneurial transformation programme among asnaf students. Therefore, this study can encompass the scope of asnaf development among UiTM Perlis students from the spiritual, knowledge, technical skills, and economic management aspects. Therefore, it is very important to conduct a study on the effectiveness of the programme carried out theoretically and practically among asnaf students at public higher education institutions by focusing on the field of entrepreneurship.*

Keywords: Entrepreneurship, Financial management, Transformation Programme

Pengenalan

Kerajaan telah menyasarkan sumbangan kira-kira 70 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada golongan usahawan pada tahun 2050, selaras aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50). Menurut, kajian dari Hayes (2021), pendidikan keusahawanan amat penting pada masa kini sebagai persediaan bagi menghadapi persekitaran ekonomi yang lebih berdaya saing dan bijak menguruskan perniagaan. Pada masa kini, bidang keusahawanan telah diberikan keutamaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan terutamanya di kalangan golongan asnaf iaitu golongan fakir, miskin dan fisabilillah (Nadzri, Sultan & Baharudin, 2016). Selain itu, Institusi Lembaga Zakat juga telah membantu golongan asnaf untuk meneruskan kehidupan dengan memberikan dana zakat. Di antara program yang dijalankan oleh Institusi Lembaga Zakat Selangor adalah Program Pembangunan Ekonomi Asnaf yang telah menyediakan latihan yang berbentuk keusahawanan yang dapat mengubah cara hidup golongan asnaf supaya menjadi lebih baik.

Walaupun bagaimanapun, kajian menunjukkan kebanyakan golongan asnaf yang telah dilatih tidak dapat bertahan lama di dalam perniagaan. Hal ini kerana usahawan asnaf mempunyai masalah dari penjana idea perniagaan dan tiada bimbingan secara berterusan untuk menghadapi risiko dalam perniagaan (Rahman, Basah, Abdullah, Nooh & Mohd, 2014). Di samping itu, Institusi zakat juga tidak dapat membuat pemantauan dengan baik kerana kekurangan kepakaran dan ini akan memberi kesan dalam usaha pembentukan seorang usahawan asnaf yang berjaya.

Selain itu kajian Ahmad (2012) mendapati kemahiran keusahawanan asnaf dalam menguruskan perniagaan dalam tempoh yang lama sukar dibangunkan kerana kualiti dari segi kekurangan ilmu pengurusan perniagaan di kalangan asnaf dari segi teknologi semasa yang sentiasa berubah-ubah. Justeru, di atas kegagalan transformasi usahawan asnaf untuk menjadi berjaya telah menyebabkan masyarakat hilang kepercayaan terhadap institusi zakat dalam membantu golongan asnaf untuk meningkat taraf hidup mereka melalui bidang keusahawanan.

Kajian lepas hanya memberi fokus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar asnaf di IPT terhadap bidang keusahawanan (Zaini, Sarkawi & Mansor, 2021). Dapatan kajian menunjukkan sikap peribadi dan sikap norma subjektif mencatatkan skor min yang lebih tinggi berbanding kawalan tingkah laku dan sikap keusahawanan. Di samping itu, dapatan kajian lepas mendapati faktor minat, pendidikan, dan bantuan dan sokongan Lembaga Zakat mempunyai hubungan yang positif terhadap kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan (Nadzri, Sultan & Baharudin, 2016). Menurut Zafir dan Fazilah (2003), ciri-ciri seorang usahawan bukan sesuatu yang diwarisi dalam seseorang individu, tetapi perlu diterapkan dengan lebih awal dalam kalangan pelajar asnaf bagi membantu mereka berani mengambil risiko dan lebih kreatif dalam menginovasikan perniagaan mereka.

Seiring dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan ekonomi pelajar asnaf, kajian ini memberi fokus kepada elemen keusahawanan dalam usaha meningkatkan taraf hidup individu bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara terutamanya dikalangan golongan pelajar asnaf. Hal ini kerana isu lambakan graduan dengan pekerjaan yang terhad akan memberi kesan kepada pembangunan negara jika tidak dibendung. Justeru, bidang keusahawanan adalah salah satu bidang kerjaya yang menjadi tumpuan masyarakat pada masa kini dan perkembangan teknologi dalam bidang keusahawanan boleh membawa perubahan dalam kehidupan mereka supaya menjadi lebih stabil dari segi kewangan dan dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan selesa. Ini juga seiring dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) iaitu menyasarkan Malaysia untuk menjadi 20 negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi,

kesejahteraan rakyat dan inovasi. Oleh yang demikian, pendidikan keusahawanan akan diiktiraf di peringkat global dan peluang pekerjaan baharu daripada bidang keusahawanan akan dibangunkan bagi mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia.

Kajian Literatur

Menurut Nor Aishah Buang (2002), bidang keusahawanan telah menjadi tumpuan kerjaya orang ramai di Malaysia terutamanya golongan muda kerana bidang ini mempunyai pasaran yang luas dan kurang modal diperlukan. Di samping itu, golongan usahawan memainkan peranan penting dalam menggerakkan pembangunan ekonomi serta masyarakat sesebuah negara dalam meneroka peluang-peluang perniagaan (Zaini, Sarkawi, Mansor, Bohari & Mustaffa, 2021; Mohamad et al., 2019). Walaubagaimanapun, menjadi usahawan yang berjaya haruslah mempunyai usaha dan komitmen yang berterusan. Malah, menurut Wahab et al., (2023), usahawan juga perlu mempunyai ciri-ciri usahawan seperti keberanian mengambil risiko, mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif, berpandangan jauh dan mampu merancang kelangsungan perniagaan untuk bertahan dengan lebih lama. Justeru, program yang berkonsepkan keusahawanan perlu diberikan pendedahan kepada pelajar di institusi pengajian tinggi bagi mempertingkatkan minat dan sikap mereka terhadap bidang keusahawanan.

Golongan pelajar yang tergolong dalam kategori asnaf perlu diberikan motivasi dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Menurut Wahab et al., (2023), motivasi dilihat amat penting kerana motivasi diibaratkan sebagai pemangkin untuk pembangunan diri secara spiritual bagi merealisasikan harapan dan cita-cita yang dibina. Antara alternatif kepada pelajar asnaf adalah menceburi bidang perniagaan sebagai kerjaya dan dapat menjamin masa depan yang lebih baik. Dapatan kajian menunjukkan, pelaksanaan program pembangunan ekonomi hendaklah dipertingkatkan untuk golongan asnaf sebagai platform untuk menarik minat mereka dalam menceburi diri dalam bidang perniagaan. Di samping itu, bantuan dalam bentuk modal perniagaan, modal pusingan dan kursus kemahiran perlu diberikan kepada pelajar asnaf sebagai bimbingan dalam melahirkan golongan usahawan belia asnaf yang berdaya saing di peringkat global (Abai, Awang, Yusoff, Majid, & Hamli, 2020).

Sehingga kini, kekurangan kajian khusus yang membuat pemantauan kepada kemahiran keusahawan pelajar dalam menguruskan perniagaan dan dapat menjana pendapatan yang lebih konsisten. Dengan kajian ini, kita dapat merangkumi skop pembangunan asnaf di kalangan pelajar UiTM Cawangan Perlis dari aspek rohani, ilmu, kemahiran teknikal, dan pengurusan ekonomi. Oleh itu, adalah amat penting untuk membuat kajian tentang keberkesanan program yang dijalankan secara teori dan praktikal di kalangan pelajar asnaf di Institusi Pengajian Tinggi Awam dengan memfokuskan dalam bidang keusahawanan.

Persoalan Kajian

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi bidang keusahawanan?
2. Bagaimana penglibatan pelajar asnaf selepas program tranformasi keusahawanan yang dijalankan?
3. Bagaimana program tranformasi keusahawanan di kalangan pelajar asnaf dipantau?

Kaedah penyelidikan

Kajian ini melibatkan pensampelan bertujuan di kalangan pelajar asnaf di UiTM Perlis. Kaedah kualitatif digunakan dalam reka bentuk kajian kes berbentuk penerokaan. Bagi mencapai objektif pertama, kajian teoritikal dan temu bual akan dijalankan. Kajian teoritikal dilakukan

melalui pengumpulan data sekunder yang berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan. Seterusnya, temu bual dijalankan terhadap beberapa pelajar asnaf yang terpilih dari pelbagai fakulti di UiTM Perlis. Objektif kajian kedua pula dicapai melalui program tranformasi keusahawanan serta tugas yang akan diberikan kepada peserta. Akhirnya, objektif kajian ketiga, pemantauan dan penilaian akan dibuat terhadap tugas yang diberikan. Penjelasan lanjut mengenai proses pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan tiga fasa berikut:

FASA 1- Objektif 1 (Kajian faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi bidang keusahawanan)

Bagi mencapai objektif pertama kajian, Fasa 1 ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3. Tahap 1 melibatkan kajian teoritikal dengan pengumpulan sumber data sekunder kajian melalui jurnal, buku, prosiding seminar dan sebagainya, diikuti kajian konseptual yang melibatkan temu bual semi-struktur terhadap 12 pelajar asnaf UiTM Perlis dari 4 fakulti iaitu Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Sains Gunaan, Kolej Komputer, Maklumat dan Matematik dan Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi (Tahap 2). Setiap kategori fakulti akan diwakili oleh 3 pelajar asnaf yang masih aktif dan telah berdaftar dengan pihak Unit Zakat, Sedekah & Wakaf UiTM Cawangan Perlis. Pemilihan pelajar asnaf dari pelbagai fakulti ini bagi mendapatkan gambaran masalah yang mereka hadapi dalam menguruskan kewangan dan mambantu menmbahbaik tahap ekonomi keluarga pelajar. Seterusnya pada tahap 3, data temu bual akan dibuat transkripsi data akan dianalisis dengan mengekodkan faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan mengikut kategori yang sesuai (seperti tema, sub-tema). Kajian ini akan menggunakan analisis tematik data temu bual dengan penggunaan perisian Atlas ti9.

FASA 2- Objektif 2 (Kajian empirikal dalam meneroka penglibatan pelajar asnaf selepas pelaksanaan setiap program intervensi)

Fasa kedua ini menggunakan kaedah program tranformasi keusahawanan yang dilakukan terhadap keseluruhan pelajar kajian (Kumpulan Fokus: 12 orang) dengan mendedahkan konsep pengurusan kewangan dan kaedah dalam mempromosikan perniagaan secara atas talian (Tahap 4). Seterusnya Tahap 5, pelajar asnaf akan diberi tugas secara individu dalam tempoh masa tertentu untuk menjalankan perniagaan.

FASA 3- Objektif 3 (Memantau program transformasi keusahawanan di kalangan pelajar asnaf)

Dalam fasa ketiga, setiap tugas akan dibuat pemantauan selama 3 bulan dan penilaian akan dijalankan oleh pakar dari pihak industri dan dalam bidang pengurusan kewangan dan e-keusahawanan (Tahap 6). Seterusnya, dapatan kajian akan dibentangkan kepada pihak Unit Zakat, Sedekah & Wakaf UiTM Cawangan Perlis untuk panduan di masa hadapan (Tahap 7).

Kesimpulan

Secara teorinya, kajian ini menyumbang kepada penambahbaikan program yang telah dijalankan sebelum ini terutamanya di kepada golongan pelajar asnaf. Faktor -faktor penting yang diterapkan dalam program ini akan menjadi rujukan kepada golongan pelajar asnaf untuk menjalankan perniagaan dengan lebih konsisten, berani berhadapan dengan risiko dan cabaran dalam perniagaan. Hasil daripada kajian ini juga dapat membantu merangsang minat dan sikap para pelajar asnaf untuk menceburi bidang keusahawanan yang mana secara tidak langsung akan mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa di Malaysia.

Selain itu, kajian ini dapat membantu para akademik untuk menyediakan bahan pembelajaran yang berkesan untuk menanam minat dalam diri golongan pelajar asnaf. Hasil kajian ini dapat membantu pihak universiti untuk menjalankan kajian dan program yang lebih berasaskan keusahawanan supaya pelajar mendapat pendedahan yang lebih meluas mengenai ilmu keusahawanan. Di samping itu, hasil dapatan daripada kajian ini dapat membantu Institusi Lembaga Zakat memahami dengan lebih mendalam faktor yang boleh mempengaruhi pelajar asnaf untuk menjadi seorang usahawan. Selain itu, pihak Institusi Lembaga Zakat dapat menyediakan bantuan dari segi program-program yang bersesuaian mengikut kepada keperluan masa kini.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan geran Geran Inovatif Zakat (GIZA) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, [No. Rujukan: 600-TNCPI 5/3/DDN (09) (010/2024)].

Rujukan

- Abai, D. S. A., Awang, M. D., Yusoff, A. N. M., Majid, A. A., & Hamli, H. (2020). Bentuk Bantuan Modal Agihan Zakat Asnaf Dan Pencapaian Usahawan Asnaf Di Malaysia: Kajian Empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93–99.
- Ahmad, S. (2012). Membangun Keusahawanan Asnaf: Analisis Konsep Model Pemindahan Teknologi. Prosiding, Persidangan Kebangsaan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-7.
- Hayes, A. S. (2021). The Active Construction of Passive Investors: Roboadvisors and Algorithmic 'Low-Finance'. *Socio-Economic Review*, 19(1), 83-110.
- Janius, N., Ishar, M. I. M., Yusof, Y., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). Belajar Sambil Bermain di dalam Kelas Pada Peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4).
- Mohd Makhbul, Zafir and Mohamad Hasun, Fazilah (2003) Menjadi usahawan: panduan menubuhkan dan menguruskan perusahaan secara profesional. PTS Publications, Kuantan, Pahang.
- Mohamad, M. B., Ab Wahab, N. Y., Yusuff, Y. Z., & Omar, S. N. Z. (2019). Alertness And Malay Women Entrepreneurs'success: The Moderating Effect Of Work-Family Conflict. *Academy of Entrepreneurship Journal*, 25(3), 1-6.
- Nadzri, S., Sultan, N. S. M., & Baharudin, N. A. (2016). Kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan. In *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah*, 239-260.
- Nor Aishah Buang (2002).Asas Keusahawanan. Fajar Bakti. Polygraphic (M) Sdn. Bhd
- Rahman, A. A., Basah, M. Y. A., Abdullah, M., Nooh, M. N., & Mohd, A. A. (2014). Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah.
- Wahab, N. N. A., Omar, S. N. Z., Zainol, Z., Rosdi, S. A. M., & Habidin, N. F. (2023). The Effect of Entrepreneur Spirits on the Success of Muslim Millennial SMEs. *Wseas Transactions on Business and Economics*, 20, 914-922.
- Wahab, N. N. A., Omar, S. N. Z., Zainol, Z., Rosdi, S. A. M., & Habidin, N. F. (2023). Motivation and Network towards Success of Muslim Millennial SMEs. *WSEAS Transactions on Business and Economics*, 20, 1121-1128.
- Zaini, B. J., Sarkawi, M. N., Mansor, R., Bohari, A. M., & Mustaffa, M. A. (2021). Analisis Terhadap Faktor - faktor Yang Mempengaruhi Sikap Pelajar Asnaf IPT Terhadap Keusahawanan. Journal website: journal.zakatkedah.com.my, 3(1).